



**HIMPUNAN  
DOA  
AL QURAN & HADITH**

# ADAB BERDOA

- 1 Mulakan dengan Pujian kepada Allah
- 2 Berselawat ke atas Nabi
- 3 Barulah Memohon dengan Penuh Khusyuk.
- 4 Akhiri dengan Tasbih & Salam.

Adab lain yang Perlu Dijaga:

- Berwuduk sebelum berdoa.
- Menghadap kiblat jika boleh.
- Mengangkat tangan dengan rendah hati
- Berdoa dengan suara perlahan dan penuh khusyuk
- Yakin bahawa Allah akan mengabulkan doa.

# DOA PUJIAN ALLAH

اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهَدُ بِأَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ،  
الْوَّاحِدُ الْأَحَدُ، فَردُ الصَّمَدِ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ  
يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ،

اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَيَا مَوْلَانَا وَيَا سَمِيعَ الدُّعَاءِ، يَا ذَا  
الْمَنِّ وَالْعَطَاءِ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، يَا  
حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، يَا بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ،  
وَيَا رَحْمَانَ الدُّنْيَا وَرَحِيمَهُمَا.....

# DOA PUJIAN ALLAH

Ya Allah, sesungguhnya kami bersaksi bahawa Engkaulah Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Yang Maha Esa, Yang Maha Tunggal, Yang Sendiri dan tempat bergantung segala sesuatu. Engkau tidak beranak dan tidak diperanakan, dan tiada sesuatu pun yang setara denganMu.

Ya Allah, Tuhan kami, Pemilik kami, dan Yang Maha Mendengar doa. Ya Tuhan yang memiliki segala kurniaan dan pemberian, Wahai Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan, Wahai Yang Maha Hidup dan Maha Berdiri Sendiri, Wahai Pencipta langit dan bumi yang tiada bandingan, Wahai Yang Maha Pengasih di dunia dan Maha Penyayang di akhirat.....


# Berdoalah !

SURAH GHAFIR 40:60

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ  
يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ  
دَاخِرِينَ

Dan Tuhanmu berfirman,  
“Berdoalah kepadaKu, nescaya  
akan Aku perkenankan bagimu.  
Sesungguhnya orang-orang yang  
sombong tidak mahu  
menyembahKu akan masuk neraka  
Jahanam dalam keadaan hina

***Doa adalah perintah Allah (ibadah).  
Dia memerintahkan kita berdoa dan  
menjamin penerimaannya. Tidak  
berdoa adalah tanda kesombongan  
terhadap Allah. Berdoa dengan  
'kapasiti' Allah 'bukan kapasiti'  
manusia.***



HIMPUNAN  
**DOA**  
AL QURAN

# DOA

## Taubat Nabi Adam a.s

SURAH AL A'ARAF 7:23

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا  
وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَسِرِينَ

Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri. Jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya kami termasuk orang-orang yang rugi.

***Taubat bermula dengan mengakui dosa dan memohon keampunan serta rahmat Allah. Jika Nabi Adam a.s segera bertaubat, kenapa kita masih bertanggung?***

# DOA

## Taubat Nabi Musa a.s

SURAH AL QASAS 28:16

رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي

Ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri, maka ampunilah aku.

*Jika Nabi Musa a.s yang mulia pun mengakui dosa tanpa berdalih dan segera bertaubat, siapa kita untuk sombong dan bertangguh memohon ampun?*

# DOA

## Memohon Keampunan dan Perlindungan dari Azab Neraka

SURAH AL IMRAN 3:16

رَبَّنَا إِنَّا أَمْنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Ya Tuhan kami, kami benar-benar beriman, maka ampunilah dosa-dosa kami dan lindungilah kami dari azab neraka

*Keimanan yang tulus menjadi sebab Allah mengampuni dosa dan melindungi dari azab neraka. Tiada jaminan selamat tanpa rahmat Allah, walaupun kita beriman. Jangan sesekali lalai dari memohon keampunan Allah.*

# DOA

## Keampunan Nabi Nuh a.s

SURAH HUD 11:47

رَبِّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ  
عِلْمٌ وَإِلَّا تَغْفِرْ لِي وَتَرْحَمْنِي  
أَكُن مِّنَ الْخَاسِرِينَ

Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu untuk memohon sesuatu yang aku tidak mengetahui. Kalau Engkau tidak mengampuniku, dan (tidak) menaruh belas kasihan kepadaku, nescaya aku termasuk orang yang rugi.

***Nabi Nuh a.s memohon keselamatan untuk anaknya walaupun kafir. Jangan berdoa sesuatu tanpa ilmu atau bertentangan dengan kehendak Allah. Pernah terfikir adakah doa kita baik di sisi Allah?***

# DOA

## Kaum Muhajirin

SURAH AL MU'MINUN 23:109

رَبَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا  
وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّحِيمِينَ

Ya Tuhan kami, kami telah beriman, maka ampunilah kami dan berilah kami rahmat, Engkau adalah Pemberi Rahmat yang terbaik.

*Doa adalah senjata orang Mukmin. Dalam ujian paling getir, Kaum Muhajirin tidak berhenti memohon rahmat dan keampunan Allah. Adakah kita sanggup berkorban demi iman seperti Kaum Muhajirin, atau kita hanya mahu kesenangan tanpa ujian?*

# DOA

Nabi Muhammad s.a.w

SURAH AL BAQARAH 2:286

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا  
وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى  
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ  
لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ  
مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

*Dua ayat terakhir Surah Al-Baqarah adalah hadiah istimewa dari Allah yang memberi perlindungan dan jaminan kecukupan. Adakah kita membacanya setiap malam?*

# DOA

## Nabi Muhammad s.a.w

SURAH AL BAQARAH 2:286

Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami melakukan kesalahan. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebani kami dengan beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami, ampunilah kami, dan rahmatilah kami. Engkaulah pelindung kami, maka tolonglah kami menghadapi orang-orang kafir

***Barangsiapa membaca dua ayat terakhir Surah Al-Baqarah pada malam hari, maka ia akan diberi kecukupan.*** *Hadis Riwayat Bukhari 5009 & Muslim 808*

# DOA

## Keampunan, Keteguhan Hati, dan Kemenangan

SURAH ALI IMRAN 3:147

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا  
وَتَبِّتْ أقدامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Ya Tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami dan tindakan kami yang berlebihan dalam urusan kami dan teguhkan pendirian kami, dan bantulah kami mencapai kemenangan terhadap orang-orang kafir

*Doa memohon ampun atas kelemahan diri dan tindakan yang tidak seimbang. Adakah kita pernah bersikap melampau, sama ada terlalu keras atau terlalu lalai dalam urusan agama dan kehidupan?*

# DOA

## Memohon Keampunan & Husnul Khatimah

SURAH ALI IMRAN 3:193 - 3:194

193 رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ  
أَنْ آمِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا  
وَكْفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ.

194 رَبَّنَا وَآتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا  
تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ

*Iman mesti dibuktikan dengan tindakan sentiasa memohon keampunan, dan memohon kematian bersama orang soleh ( Al-Abrar-orang yang banyak buat kebaikan) dan dijauhkan dari kehinaan di akhirat.*

# DOA

## *Memohon Keampunan & Husnul Khatimah*

SURAH ALI IMRAN 3:193 - 3:194

193. Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami mendengar orang yang menyeru kepada iman, “Berimanlah kamu kepada Tuhanmu,” maka kami pun beriman. Ya Tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan kami, dan matikanlah kami beserta orang-orang yang berbakti (orang yang banyak buat kebaikan).

194. Ya Tuhan kami, berilah kami apa yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui rasul-rasulMu. Dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Kiamat. Sungguh, Engkau tidak pernah mengingkari janji.

# DOA

## Memohon Penerimaan Amal

SURAH AL BAQARAH 2:127

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Ya Tuhan kami, terimalah amal dari kami. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Mendengar, Maha Mengetahui.

*Ini doa Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s. setelah membina Kaabah. Mereka bimbang amalan tidak diterima walaupun setelah membina Kaabah. Amal kita yang sedikit pernahkah rasa bimbang samada Allah terima atau tidak?*

# DOA

## Memohon Ketaatan, Zuriat Soleh, dan Keampunan

SURAH AL BAQARAH 2:128

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا  
أُمَّةٌ مُّسْلِمَةٌ لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا  
إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkau Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani

\* Untuk bacaan ramai, lafaz **مُسْلِمِينَ** boleh dibaca **مُسْلِمِينَ** atau dikekalkan.

# DOA

## Memohon Kebaikan Dunia dan Akhirat

SURAH AL BAQARAH 2:201

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي  
الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan lindungilah kami dari azab neraka

*Ini antara doa paling lengkap, memohon kebahagiaan dunia, keselamatan akhirat, dan perlindungan daripada azab neraka.*

*Doa yang paling banyak dibaca oleh Rasulullah s.a.w.*

*Hadis Riwayat Bukhari 6389 & Muslim 2690*

# DOA

## Memohon Keteguhan Hati dan Hidayah

SURAH ALI IMRAN 3:8

رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ  
لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pesongkan hati kami setelah Engkau berikan petunjuk kepada kami, dan kurniakan kepada kami rahmat dari sisiMu, sesungguhnya Engkau adalah Tuhan Yang Maha Melimpahruah dalam pemberiannya

***Biasakan untuk memohon agar hati tetap teguh di atas hidayah dan tidak tergelincir dari jalan Allah. Tanpa rahmat Allah, kita tidak akan mampu menjaga iman hingga ke akhir hayat.***

# DOA

## Memohon Zuriat Soleh

SURAH AS SAFFAT 37:100

رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ

Ya Tuhanku, kurniakan kepadaku anak yang termasuk orang yang saleh

*Doa Nabi Ibrahim a.s., walaupun sudah tua dan isterinya mandul, tetap memohon zuriat sebagai penyambung dakwah. Mustahil di mata manusia, tapi tidak bagi Allah! Doa dimakbulkan dan Nabi Ismail a.s lahir dan kemudian Nabi Ishak a.s*

*Legasi kebaikan (rezeki & zuriat) hanya dalam kekuasaan Allah bukan usaha manusia.*

# DOA

## Memohon Zuriat Soleh

SURAH AL ANBIYA 21:89

رَبِّ لَا تَذَرْنِي فَرْدًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْوَارِثِينَ

Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan aku seorang diri (dengan tidak meninggalkan zuriat) dan Engkaulah jua sebaik-baik yang mewarisi

***Nabi Zakaria a.s. juga sudah tua dan isterinya mandul, tetap memohon zuriat sebagai penyambung dakwah. Doa dimakbulkan dan lahirlah Nabi Yahya a.s.***

***Doa-doa ini adalah untuk memohon zuriat soleh sebagai pewaris selepas kematian kita.***

# DOA

## Memohon Zuriat Soleh

SURAH AL IMRAN 3:38

رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً  
إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ

Wahai Tuhanku, kurniakanlah kepadaku daripada sisi-Mu zuriat yang baik. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar doa.

***Nabi Zakaria a.s. terinspirasi untuk berdoa memohon zuriat selepas melihat keajaiban rezeki Maryam yang mendapat makanan dari sisi Allah. Tips doa mustajab ia berdoa setelah melihat seseorang mendapat nikmat. Tips ini ramai yang tidak ketahui!***

# DOA

## Memohon Menjadi 'Ibadur Rahman' & Keluarga Penyejuk Hati

SURAH AL FURQAN 25:74

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا  
قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami pasangan kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.

*Doa memohon untuk mendapat ahli keluarga bahagia yang membantu kita menuju akhirat, bukan sebaliknya. Doa ini juga untuk kita menjadi 'Ibadur Rahman' dan contoh teladan kepada zuriat kita akan datang.*

# DOA

## Doa Istiqamah Solat dan Zuriat Soleh

SURAH IBRAHIM 14:40

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ  
ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

*Walaupun seorang nabi, Nabi Ibrahim a.s. tetap memohon untuk istiqamah dalam mendirikan solat dan agar zuriatnya turut menjadi hamba Allah yang menjaga solat. Kita bukan nabi, tetapi pernahkah minta doa begini?*

# DOA

## Memohon Keampunan untuk Diri, Ibu Bapa, & Umat Islam

SURAH IBRAHIM 14:41

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ  
يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ

Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapaku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan

*Doa ini adalah doa Nabi Ibrahim a.s. yang memohon keampunan untuk diri, ibu bapa, dan seluruh orang beriman pada Hari Kiamat.*

*Berapa jumlah orang beriman dari dulu hingga Hari Kiamat? Alangkah rugi tidak berdoa dengan doa ini.*

# DOA

## Memohon Kasih Sayang Allah untuk Ibu Bapa

SURAH AL ISRA 17:24

رَبِّ اَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّيْتَنِي صَغِيرًا

Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada kedua ibubapaku sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.

*Allah mengajar kita untuk mendoakan rahmat dan kasih sayang kepada kedua ibubapa sebagai balasan atas pengorbanan mereka membesarkan kita sejak kecil.*

# DOA

## Menghindari Hasad Dengki Sesama Muslim

SURAH AL HASYR 59:10

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا  
بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ  
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ

Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara kami yang mendahului dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu"

*Doa orang Muhajirin dan Ansar untuk mengelak perasan hasad dengki dan untuk orang yang telah meninggal dunia. Pernah rasa irihati sesama Islam?*

# DOA

## Ketika Ditimpa Kesusahan

SURAH AI ANBIYA 21:87

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ  
إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri

*Doa Nabi Yunus a.s. dibaca ketika baginda berada di dalam perut ikan paus setelah meninggalkan kaumnya yang tidak mahu beriman. Dengan tawaduk dan penyesalan baginda memohon keampunan daripada Allah kerana ingin keluar dari kesusahan. Pernah ditimpa susah?*

# DOA

## Kelapangan Hati, Kemudahan Urusan, dan Kefasihan Bicara

SURAH TAHA 20:25- 20:28

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي

Wahai Tuhanku, lapangkan dadaku

وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي

Dan mudahkanlah bagiku, tugasku

وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّنْ لِّسَانِي

Dan lepaskanlah simpulan dari  
lidahku

يَفْقَهُوا قَوْلِي

Supaya mereka faham perkataanku;

*Doa Nabi Musa a.s ini sesuai  
diamalkan ketika menghadapi ujian  
berat, memberi ucapan, atau  
memohon kemudahan dalam  
kehidupan seharian.*

# DOA

## Jalan Keluar di Saat Genting

SURAH AL KAHF 18:10

رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً  
وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

Ya Tuhan kami. Berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah petunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami.

*Di saat genting, Pemuda Al Kahfi hanya meminta rahmat dan petunjuk. Doa ini padat & ringkas menggambarkan kebergantungan kepada Allah ketika berdepan situasi sukar dan buntu. Lalu Allah tidurkan mereka selama 309 tahun dan dibangunkan dalam keadaan sihat walfiat. Kemakbulan lebih dari jangkaan!*

# DOA

## Memohon Tambahan Ilmu

SURAH TAHA 20:114

رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا

Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmu kepadaku.

*Rasulullah s.a.w. tergesa-gesa menghafal Al-Quran ketika wahyu diturunkan kerana takut terlupa atau kehilangan sebahagian daripada wahyu yang disampaikan oleh Jibril a.s.*

*Allah menasihati baginda supaya bersabar hingga wahyu selesai dan mengajarnya berdoa memohon pertambahan ilmu. Pernah minta pertambahan ilmu?*

# DOA

## Memohon Kesembuhan & Rahmat di Saat Ujian

SURAH AL ANBIYA 21:83

أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

(Ya Tuhanku) Sesungguhnya, aku telah ditimpa penyakit, padahal Engkau Tuhan Yang Maha Penyayang dari semua yang Penyayang.

*Nabi Ayub a.s menisbahkan penderitaan adalah dari dirinya. Dengan penuh adab baginda tidak menuntut kesembuhan, sebaliknya memohon rahmat Allah. Lalu Allah menyembuhkan dan menggantikan dengan gandaan apa yang pernah dimilikinya ketika baginda sihat!*

# DOA

## Perlindungan Gangguan & Bisikan Syaitan

SURAH AL MUKMINUN 23:97 - 23:98

رَبِّ اعْوِذْ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيْطَانِ  
وَاعْوِذْ بِكَ رَبَّ أَنْ يَحْضُرُونِ

Ya Tuhanku, aku berlindung kepada Engkau dari bisikan-bisikan syaitan Dan aku berlindung (pula) kepada Engkau ya Tuhanku, agar mereka tidak mendekati aku

*Syaitan adalah musuh licik yang tidak boleh dilihat dengan mata dan sentiasa hendak menyesatkan manusia tanpa henti! Apa satu-satunya benteng kita? Doa ini. Kalau malas berdoa, siap sedialah menjadi mangsa tipu dayanya!*

# DOA

## Tawakal & Keberanian Menegakkan Kebenaran

SURAH AL MUMTAHANAH 60:04

رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ  
أَنْبَأْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Wahai Tuhan kami! Kepada Engkaulah sahaja kami berserah diri, dan kepada Engkaulah kami rujuk bertaubat, serta kepada Engkaulah jua tempat kembali!

*Ini doa Nabi Ibrahim a.s yang Allah kurniakan keberanian luar biasa untuk menegakkan kebenaran, walaupun diancam api yang membara! Tetapi kita? Hendak berdakwah selalu berkira-kira. Berdoalah seperti Nabi Ibrahim a.s, doanya terbukti mustajab!*

# DOA

## Perlindungan Fitnah Orang Kafir

SURAH AL MUMTAHANAH 60:05

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا وَاعْفِرْ  
لَنَا رَبَّنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan pendirian dan keyakinan kami terpesong kerana penindasan orang-orang kafir, dan ampunkanlah dosa kami wahai Tuhan kami; sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana

*Doa Nabi Ibrahim a.s. ini mengajar kita berdoa agar tidak menjadi punca orang kafir menghina atau meragui Islam kerana kelemahan kita.*

# DOA

## Memohon DiJauhi Azab Neraka

SURAH AL FURQAN 25:65

رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ  
إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا

Wahai Tuhan kami, jauhkanlah azab neraka Jahannam daripada kami. Sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasaan yang kekal.

***Ini amalan doa 'Ibadur Rahman' kerana sentiasa takut azab neraka yang dahsyat dan kekal selamanya.***

# DOA

## Mensyukuri Nikmat & Memohon Amal Di Redhai

SURAH AN NAML 27:19

رَبِّ أَوْزَعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ  
عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ  
وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

Wahai Tuhanku, ilhamkanlah aku tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakanku dan kepada ibu bapakku, dan aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlahku -dengan limpah rahmatMu ke dalam kumpulan hamba soleh

***Walaupun seorang raja dan memiliki pelbagai nikmat, Nabi Sulaiman a.s. memohon untuk jadi orang bersyukur dan beramal soleh dan diredhai Allah. Kita?***

# DOA

## Mencapai Umur 40 Tahun

SURAH AL AHQAF 46:15

رَبِّ أَوْزَعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ  
عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ  
وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي  
مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Wahai Tuhanku, ilhamkanku supaya bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang patuh)

***Syukur + amal soleh + zuriat soleh***

# DOA

## Ilmu Manafaat, Bersama Orang Soleh, Nama Harum & Masuk Syurga.

SURAH AS-SYUARA 26:83 - 26:86

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ  
وَاجْعَلْ لِي لِسَانَ صِدْقٍ فِي الْآخِرِينَ  
وَاجْعَلْنِي مِنْ وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ

Ya Tuhanku, berikanku hikmah (ilmu) dan masukan aku ke dalam golongan orang soleh. Dan jadikan aku sebutan baik generasi akan datang. Dan jadikan aku orang yang mewarisi syurga penuh nikmat.

**Intipati doa Nabi Ibrahim a.s :**

- 1-Ilmu manfaat bawa ke syurga.**
- 2-Berkawan orang soleh ( X maksiat)**
- 3-Diingati & disebut kebaikan bila mati**
- 4-Balik 'kg.' syurga (asal Nabi Adam a.s).**

# DOA

## Doa Ahli A'raf Memohon Perlindungan Azab Neraka

SURAH AL A'RAF 7:47

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami bersama orang-orang yang zalim

*Ahli A'raf adalah golongan yang amal kebaikan dan keburukannya seimbang. Mereka berada antara tembok Syurga dan Neraka. Mereka melihat penghuni kedua-duanya dan berharap untuk masuk Syurga tetapi masih menunggu keputusan Allah. Akhirnya, mereka akan diberi rahmat dan dimasukkan ke dalam Syurga. Ketika melihat Neraka, mereka merasa gerun dan berdoa ini. Jangan tunggu nampak Neraka baru hendak berdoa dengan doa ini.*

# DOA

## Taubat di Atas Kesilapan

SURAH AL QASAS 28:16

رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي

Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diri sendiri.

*Nabi Musa a.s tidak berlengah-lengah untuk memohon keampunan setelah membela seorang Bani Israil dan kemudian menyebabkan kematian tidak sengaja seorang Qibti (orang Firaun).*

*Pernahkah terjadi seakan begini? Asalnya melakukan pekara baik, tiba-tiba menjadi punca musibah? Jangan berlengah dan segeralah bertaubat.*

# DOA

## Tidak Menyokong Orang Berdosa

SURAH AL QASAS 28:17

رَبِّ بِمَا أَنْعَمْتَ عَلَيَّ فَلَنْ أَكُونَ  
ظَهِيرًا لِلْمُجْرِمِينَ

Wahai Tuhanku, demi nikmat-nikmat yang Engkau kurniakan kepadaku, (peliharalah aku) supaya tidak menjadi penyokong kepada golongan yang berdosa.

*Selain bertaubat Nabi Musa a.s berjanji tidak akan menyokong kezaliman Firaun.*

*Pernahkah kita ter'like' ( sokong) posting orang Mujrimun -orang melakukan dosa. HATI-HATI.  
Amalkan doa ini!*

# DOA

## Menghindari Kezaliman

SURAH AL QASAS 28:21

رَبِّ نَجِّنِي مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

Wahai Tuhanku, selamatkanlah aku dari kaum yang zalim

*Nabi Musa a.s berdoa untuk diselamatkan dari orang yang menzaliminya kerana baginda berniat membantu.*

*Ketika merasa terancam oleh orang zalim atau sistem yang tidak adil dan mengelak dari difitnah dan penindasan, amalkan doa ini.*

# DOA

## Tawakal & Perlindungan dari Kezaliman

SURAH YUNUS 10:85 - 10:86

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ  
نَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنَ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami landasan fitnah kesengsaraan bagi kaum yang zalim ganas.

Dan selamatkanlah kami dengan rahmatMu dari angkara kaum yang kafir

*Doa Nabi Musa a.s & pengikutnya memohon supaya tidak dijadikan mangsa kezaliman, penindasan atau penganiayaan. Lihatlah dunia luar berapa banyak negara Islam yang ditindas?*

# DOA

## Menghadapi Orang Maksiat

SURAH AL ANKABUT 29:30

رَبِّ انصُرْنِي عَلَى الْقَوْمِ الْمُفْسِدِينَ

Wahai Tuhanku, tolonglah aku menghadapi kaum yang melakukan kerosakan.

*Ketika berhadapan dengan kezaliman, kemaksiatan, dan kerosakan dalam masyarakat, jangan diam. Berdakwahlah dengan tegas dan berdoalah dengan doa ini dan dengan penuh harapan kepada Allah.*

# DOA

## Tawakal & Yakin Penuh kepada Allah

SURAH AT-TAUBAH 9:129

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ  
وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, kepadaNya aku berserah diri, dan Dia yang mempunyai Arasy yang besar."

*Ini adalah doa dan zikir Rasulullah s.a.w ketika orang Musyrikin menolak dakwah baginda. Ia diamalkan untuk menguatkan hati ketika menghadapi kesulitan, tekanan, pengkhianatan, atau merasa ditinggalkan dan dihina.*

# DOA

## Memohon Cahaya & Keampunan

SURAH AT-TAHRIM 66:08

رَبَّنَا آتِنَا نُورَنَا وَاغْفِرْ لَنَا  
إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan limpahkanlah keampunan kepada kami; sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu

*Doa ini untuk keampunan dan keteguhan iman serta memohon hidayah berterusan untuk cahaya petunjuk di dunia dan akhirat.*

# DOA

## Memohon Kesabaran dan Kematian dalam Iman

SURAH AL - A'RAF 7:126

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ

Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam (berserah bulat-bulat kepadaMu)

*Ini doa adalah ahli sihir Firaun yang beriman kepada Allah 'on the spot' setelah melihat mukjizat Nabi Musa a.s.*

*Doa ini memohon untuk kematian baik (husnul khatimah) sebagai seorang Muslim.*

# DOA

**Memohon Keamanan Negara  
dan Dijauhkan dari  
Penyembahan Berhala.**

SURAH IBRAHIM 14:35

رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا  
وَاجْنُبْنِي وَبَنِيَّ أَنْ نَعْبُدَ الْأَصْنَامَ

"Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri (Makkah) ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala.

*Memohon keamanan di tempat tinggal atau negara dan keturunan dijauhkan daripada menyembah berhala atau melakukan kesyirikan.*

*Pernah berdoa begini untuk tanah air kita?*

# DOA

## Memohon Kemuliaan dari Allah

SURAH ALI IMRAN 3:26

اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ  
وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ  
وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ

Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkau memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkau sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

*Hadis Riwayat At Tabrani 558*

# DOA

## Melunaskan Hutang Sebesar Jabal Uhud

اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ.....كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ  
رَحْمَانَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَرَحِيمَهُمَا، تُعْطِي  
مَنْ تَشَاءُ، وَتَمْنَعُ مَنْ تَشَاءُ، ارْحَمْنِي رَحْمَةً  
تُغْنِينِي بِهَا عَنْ رَحْمَةِ مَنْ سِوَاكَ

.....Wahai Tuhan yang Maha Pengasih di dunia akhirat, serta Maha Penyayang kepada keduanya. Engkau memberi kepada siapa yang Engkau kehendaki dan menahan (pemberian) dari siapa yang Engkau kehendaki. Rahmatilah aku dengan rahmat yang mencukupkanku daripada bergantung kepada rahmat selainMu

*Hadith: At Tirmizi 1821*

***Yakin dan tawakkal, insya-Allah urusan hutang dipermudahkan walau sebesar Gunung Uhud.***

## Memohon Rezeki Luar Biasa

SURAH AL MAIDAH 5:114

رَبَّنَا أَنْزِلْ عَلَيْنَا مَائِدَةً مِّنَ السَّمَاءِ تَكُونُ لَنَا  
عِيدًا لِّأَوَّلِنَا وَآخِرِنَا وَآيَةً مِّنكَ وَارْزُقْنَا وَأَنْتَ  
خَيْرُ الرَّازِقِينَ

Ya Allah, Tuhan kami! Turunkanlah kepada kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami dan bagi orang-orang kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripadamu (yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaanMu); dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau sebaik-baik Pemberi rezeki".

***Doa ini sebagai memohon rezeki yang berkat dan tidak disangka-sangka, bukan mukjizat seperti di zaman Nabi Isa a.s 🙏 ✨***



HIMPUNAN  
**DOA**  
HADITH

THE JOURNALISTIC

# DOA

## Sayyidul Istighfar ★

HADITH: BUKHARI 6306 & MUSLIM 7084

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي  
فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Engkau. Engkau menciptakanku dan aku adalah hambaMu. Aku berada di atas perjanjian dan janjiMu sekadar kemampuanku. Aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan apa yang telah aku lakukan. Aku mengakui segala nikmatMu ke atasku, dan aku mengakui dosa-dosaku, maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang mengampuni dosa-dosa melainkan Engkau.

**Baca 1x pagi dan 1x petang**

# DOA

## Keampunan Dosa

HADITH: BUKHARI 834, MUSLIM 2705

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ  
الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَاعْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ  
وَارْحَمْنِي، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Ya Allah, sesungguhnya aku telah menzalimi diriku dengan kezaliman yang banyak, dan tiada siapa yang dapat mengampunkan dosa melainkan Engkau. Maka, ampunilah aku dengan keampunan dari sisi-Mu dan rahmatilah aku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

*Rasulullah s.a.w mengajar doa ini kepada Saidina Abu Bakar r.a untuk mengakui kelemahan diri dan memohon pengampunan Allah dengan penuh ketundukan.*

# DOA

MOHON KEAMPUNAN URUSAN  
MELAMPAU DAN SEGALA DOSA,  
YANG DISEDARI ATAU TIDAK

HADITH: BUKHARI 6398, MUSLIM 2719

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي خَطِيئَتِي وَجَهْلِي، وَإِسْرَافِي فِي أَمْرِي،  
وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي هَزْلِي وَجِدِّي،  
وَخَطِيئِي وَعَمْدِي، وَكُلُّ ذَلِكَ عِنْدِي. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا  
قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَنْتَ  
أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي. أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، وَأَنْتَ عَلَيَّ  
كُلُّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, ampunkanlah dosaku, kejahilanku, apa yang **berlebihan dalam segala urusanku**, serta perkara yang Engkau lebih ketahui tentangnya daripadaku. Ya Allah, ampunkan salah silapku; yang sengaja atau sebaliknya, yang demikian itu semuanya daripada diriku. Ya Allah, ampunkan kesalahanku yang **telah** dan **belum** aku lakukan, dan dosaku yang dilakukan secara **terang-terang** dan secara **sembunyi**. Engkaulah Maha Mendahului dan Maha Mengakhiri dan Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

# DOA

## Keampunan Menyeluruh

HADITH: MUSLIM 483

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ، دِقَّةً وَجِلَّةً،  
وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ، وَعَلَانِيَةً وَسِرَّهُ

Wahai Allah, ampunkanlah segala dosaku; yang kecil dan yang besar, yang terawal dan terakhir, serta yang (dilakukan) secara terang-terangan mahupun rahsia.

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah  
r.a bahawa Rasulullah s.a.w  
membaca doa ini ketika dalam sujud.*

# DOA

## Elak Bebanan Hutang & Penindasan

HADITH: BUKHARI 6369, MUSLIM 2706

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ  
مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ  
وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلِيَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada kesedihan dan kemurungan, daripada kelemahan dan kemalasan, daripada sifat pengecut dan bakhil, dan aku berlindung kepadaMu daripada bebanan hutang dan penindasan manusia.

**Bacalah apabila berdepan dengan keresahan, bebanan hutang, atau sebarang bentuk tekanan emosi dan mental.**

# DOA

MELUNAS HUTANG, LINDUNG  
DARI SEGALA KEBURUKAN,  
KECUKUPAN REZEKI.

HADITH: MUSLIM 2713

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ وَرَبَّ الْأَرْضِ وَرَبَّ الْعَرْشِ  
الْعَظِيمِ، رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ، فَالِقَ الْحَبِّ وَالنَّوَى،  
وَمُنزِلَ التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ  
فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ،  
وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْبَاطِنُ  
فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ، اقْضِ عَنِّي الدَّيْنَ وَأَغْنِنِي مِنَ  
الْفَقْرِ.

# DOA

**MELUNAS HUTANG, LINDUNG  
DARI SEGALA KEBURUKAN,  
KECUKUPAN REZEKI.**

**HADITH: MUSLIM 2713**

Ya Allah, Tuhan bagi segala langit dan bumi, Tuhan bagi Arasy yang agung, Tuhan kami dan Tuhan bagi segala sesuatu, Tuhan Yang Membelah butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan), Tuhan Yang Menurunkan Taurat, Injil, dan Al-Furqan (Al-Quran), aku berlindung kepadaMu daripada keburukan segala sesuatu yang berada dalam genggamannya kekuasaan-Mu. Ya Allah, Engkaulah Yang Awal (tiada sesuatu sebelumMu), Engkaulah Yang Akhir (tiada sesuatu selepasMu), Engkaulah Yang Zahir (tiada sesuatu di atasMu), dan Engkaulah Yang Batin (tiada sesuatu di bawahMu). **Lunaskanlah hutangku dan cukupkanlah (bebaskan) aku daripada kefakiran (ketidakcukupan kehidupan, sama rezeki, ketenangan, atau keperluan asas).**

# DOA

## Memohon Rezeki Halal & Bergantung Hanya kepada Allah

HADITH: AT-TIRMIZI 3563, AHMAD 1319

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ،  
وَاعْتِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Wahai Allah, cukupkanlah bagiku dengan perkara yang Engkau halalkan daripada perkara yang Engkau haramkan, dan berikanlah aku kecukupan dengan hanya limpah kurnia daripadaMu, bukan daripada selainMu.

*Memohon agar hati merasa cukup tanpa bergantung kepada manusia. Pergantungan mutlak hanya kepada Dia saja yang mencukupkan segala keperluan.*

# DOA

## Memohon Kesihatan, Jauhi Kekufuran, Kemiskinan, dan Azab Kubur

HADITH: 5090, AHMAD 18939, AN-NASA'I 5493

اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَدَنِي، اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِي،  
اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَصَرِي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ. اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
عَذَابِ الْقَبْرِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

Ya Allah, berilah kesihatan pada tubuhku, pada pendengaranku, dan pada penglihatanku. Tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Engkau. Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada kekufuran dan kefakiran. Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada seksaan kubur. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau.

# DOA

## Petunjuk, Taqwa, Kesucian & Kecukupan Rezeki

HADITH: MUSLIM 2721

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَىٰ، وَالتَّقَىٰ،  
وَالْعِفَافَ، وَالْغِنَىٰ

Wahai Allah, aku memohon kepadaMu petunjuk, ketaqwaan, kesucian diri (daripada perkara-perkara yang dilarang dan kemahuan dunia) serta kecukupan.

# DOA

## Mohon Ilmu, Rezeki dan Amalan

HADITH: IBNU MAJAH 925, AN NASA'I 9930 & AHMAD 26602

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا  
وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik, dan amal yang diterima.

- **Ilmu bermanfaat**
  - Ilmu yang mendekatkan diri kepada Allah dan memberi manfaat kepada diri serta orang lain.
- **Rezeki baik**
  - Rezeki halal, berkat, dan membawa ketenangan hati.
- **Amalan yang diterima**
  - Segala ibadah dan perbuatan yang dilakukan diterima oleh Allah.

# DOA

## Kesempurnaan Hidup

HADITH: MUSLIM 2720

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةٌ أَمْرِي،  
وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي، وَأَصْلِحْ  
لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ  
زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي  
مِنْ كُلِّ شَرٍّ.

Ya Allah, perbaiki agamaku yang menjadi benteng pelindung urusanku, perbaiki duniaku yang menjadi tempat kehidupanku, perbaiki akhiratku yang menjadi tempat kembaliku. **Jadikanlah baki kehidupan ini sebagai tambahan (peluang) bagiku dalam segala kebaikan dan jadikanlah kematian sebagai kerehatanku daripada segala keburukan.**

# DOA

*Jauhi dari Keburukan  
Tinghahlaku Dulu & Akan  
Datang*

HADITH: MUSLIM 2716

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَمِلْتُ  
وَمِنْ شَرِّ مَا لَمْ أَعْمَلْ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada keburukan perbuatanku dan daripada keburukan perbuatan yang belum aku lakukan.

*Antara doa yang baik  
diamalkan untuk taubat.*

# DOA

PERLINDUNGAN DARI SIFAT  
BURUK, NYANYUK & AZAB KUBUR  
HADITH: MUSLIM 2722

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ  
وَالْبُخْلِ، وَالْهَرَمِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ. اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي  
تَقْوَاهَا، وَزَكَّاهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا  
وَمَوْلَاهَا. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ  
قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا  
يُسْتَجَابُ لَهَا.

Ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada sifat lemah dan malas, sifat pengecut dan kedekut, nyanyuk dan azab kubur. Ya Allah, kurniakanlah kepada jiwaku ketaqwaan dan sucikan ia, sesungguhnya Engkau sebaik-baik yang mensucikannya, Engkau pelindung dan pemeliharanya. Ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada ilmu yang tidak bermanfaat, daripada hati yang tidak khusyuk, daripada jiwa yang tidak pernah puas, dan doa yang tidak dikabulkan.

# DOA

## Taat, Tawakkal & Perlindungan dari Kesesatan

HADITH: BUKHARI 7383, MUSLIM 2717

اللَّهُمَّ لَكَ أَسَلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ،  
وَإِلَيْكَ أُنَبْتُ، وَبِكَ خَاصَمْتُ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ  
بِعِزَّتِكَ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَنْ تُضِلَّنِي، أَنْتَ الْحَيُّ الَّذِي  
لَا يَمُوتُ، وَالْجِنُّ وَالْإِنْسُ يَمُوتُونَ.

Ya Allah, kepadaMu aku menyerahkan diri (taat), dan denganMu aku beriman, dan kepadaMu aku bertawakkal, dan kepadaMu aku kembali (bertaubat), dan denganMu aku berhujjah. Ya Allah, aku berlindung dengan keagunganMu, tiada Tuhan selain Engkau, yang boleh menyesatkanku, Engkau Yang Maha Hidup yang tidak mati, sedangkan jin dan manusia kesemuanya bakal mati.

# DOA

## Perlindungan dari Kehilangan Nikmat & Musibah Mengejut.

HADITH:MUSLIM 2739

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ، وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.

Wahai Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada kehilangan nikmat, dan daripada perubahan kesihatan, dan daripada kecelakaan yang datang secara tiba-tiba, serta daripada kesemua kemurkaanMu.

*Doa ini adalah perlindungan daripada kehilangan nikmat (bimbang akan kehilangan kebaikan atau rezeki) dan ujian yang tidak diduga.*

# DOA

## Mohon Hati Tetap Taat

HADITH: AT TIRMIZI 3522

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ

Wahai Allah Yang Membolak-balikkan hati, tetapkanlah hati-hati kami di atas ketaatan kepada-Mu.

*Doa ini memohon keteguhan hati dalam iman dan ketaatan. Ketika merasa hati goyah atau terpengaruh dengan maksiat.*

# DOA

## Mohon Petunjuk

HADITH:MUSLIM 770

اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ  
تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ، اهْدِنِي  
لِمَا اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ  
تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

Ya Allah, Tuhan bagi Jibrail, Mikail dan Israfil, Yang Menciptakan langit dan bumi, Yang Mengetahui alam ghaib dan alam nyata. Engkaulah Yang Mengadili di antara hamba-hambaMu pada apa yang mereka perselisihkan. Berilah aku petunjuk ke arah kebenaran dalam perkara yang mereka perselisihkan dengan izinMu. Sesungguhnya Engkaulah Yang Memberi Petunjuk ke jalan yang lurus.

***Boleh dibaca sebelum memulakan qiyamullail.***

# DOA

## Mohon Keredhaan & Perlindungan Allah

HADITH: MUSLIM 486

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ  
مِنْ عُقُوبَتِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ، لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ،  
أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَيَّ نَفْسِكَ

Wahai Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan keredhaanMu daripada kemurkaanMu, dan dengan keampunanMu daripada hukumanMu, dan aku berlindung denganMu daripada (kemurkaan)Mu. Dan tidaklah aku mampu memujiMu, Engkau sebagaimana yang Engkau puji diriMu sendiri.

***Boleh dibaca ketika sujud dalam solat malam.***

# DOA

## Mohon Perlindungan dari Ujian & Takdir Buruk

HADITH: BUKHARI 6616 & MUSLIM 2707

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرَكِ  
الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada ujian yang menyulitkan, kesengsaraan yang menderitakan, takdir yang buruk, dan cacian para musuh.

*Doa ketika bimbang ditimpa ujian atau musibah yang berat dan untuk memohon perlindungan daripada kesusahan hidup dan penghinaan musuh.*

# DOA

## Untuk Memperbaiki Diri

HADITH: AN NASA'I 10405 & AT TABARANI 6368

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ،  
وَأَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ كُلَّهُ وَلَا تَكُنْ لِيْ إِلَى  
نَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ

Wahai Tuhan Yang Maha Hidup, wahai Tuhan Yang Berdiri Sendiri tidak memerlukan segala sesuatu, dengan rahmatMu aku minta pertolongan, perbaikilah segala urusanku dan jangan diserahkan kepadaku sekali pun sekelip mata (tanpa mendapat pertolongan dariMu selamanya).

# DOA

## Memohon Kecintaan Allah

HADITH: AHMAD 18524 & AT-TIRMIZI 3490

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ حُبَّكَ، وَحُبَّ مَنْ  
يُحِبُّكَ، وَالْعَمَلَ الَّذِي يُبَلِّغُنِي حُبَّكَ

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu kecintaanMu, dan kecintaan orang yang mencintaiMu, serta amalan yang menyampaikan aku kepada kecintaanMu

**Memohon kecintaan Allah adalah kunci kebahagiaan dunia & akhirat. Berusahalah melakukan amalan yang mendekatkan diri kepadaNya. Semoga kita tergolong dalam golongan yang dicintai Allah. 🙏**

# DOA

## Untuk Sentiasa Berzikir, Bersyukur & Beribadah Dengan Baik

HADITH: ABU DAWUD 1522, AN-NASA'I 1303 & AHMAD 22119

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ،  
وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Ya Allah, bantulah aku untuk selalu mengingatMu, bersyukur kepadaMu, dan beribadah kepadaMu dengan sebaik-baiknya

*Rasulullah s.a.w bersabda, “Wahai Mu’adz, demi Allah, sesungguhnya aku mencintaimu. Jangan pernah lupa untuk membaca doa ini setiap selesai solat.”*

# DOA

## Memohon Kecintaan Allah

HADITH: AT-TIRMIZI 3235

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ، وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ،  
وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ، وَأَنْ تَغْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي، وَإِذَا  
أَرَدْتَ فِتْنَةَ قَوْمٍ فَتَوَفَّنِي غَيْرَ مَفْتُونٍ، وَأَسْأَلُكَ  
حُبَّكَ، وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ، وَحُبَّ عَمَلٍ يُقَرِّبُنِي إِلَيْكَ

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu untuk **dapat melakukan kebaikan, meninggalkan kemungkarannya, dan mencintai orang miskin.** Aku juga memohon agar Engkau mengampuni dan merahmatiku. Jika Engkau hendak menimpakan **fitnah kepada suatu kaum, maka wafatkanlah aku dalam keadaan tidak terfitnah.** Aku juga memohon kepadaMu **kecintaanMu, kecintaan orang yang mencintaimu, serta kecintaan kepada amalan yang mendekatkan aku kepada kecintaanMu!**

# DOA

## Mohon Kemudahan

HADITH: AL BAIHAQI 265 & IBN HIBBAN 974

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا،  
وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

Ya Allah, tidak ada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikan mudah, dan Engkau mampu menjadikan kesulitan itu mudah jika Engkau kehendaki.

*Setiap ujian ada jalan keluar.  
Mohonlah kepada Allah, kerana  
hanya Dia yang mampu menjadikan  
sesuatu itu mudah semudahnya!*

# DOA

## Mohon Ditambahkan Kebaikan

HADITH: AT TIRMIZI 3173

اللَّهُمَّ زِدْنَا وَلَا تَنْقُصْنَا وَأَكْرِمْنَا وَلَا  
تُهِنَّا وَأَعْطِنَا وَلَا تَحْرِمْنَا وَآثِرْنَا وَلَا  
تُوْثِرْ عَلَيْنَا وَأَرْضِنَا وَأَرْضِ عَنَّا

Ya Allah, tambahkanlah untuk kami (nikmat), jangan Engkau kurangkan. Muliakanlah kami, jangan Engkau hinakan. Berilah kami (rezeki dan kebaikan), jangan Engkau tahan. Utamakanlah kami, jangan Engkau ketepikan. Redhailah kami dan jadikanlah kami dalam keredhaanMu.

# DOA

## Mohon Perbaiki Kesudahan Semua Urusan

HADITH: AHMAD 17628

اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا،  
وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الآخِرَةِ

Ya Allah, perbaikilah kesudahan urusan kami dalam segala hal, dan lindungilah kami daripada kehinaan di dunia serta azab di akhirat

# DOA

## Mengelak Azab Kubur

HADITH: BUKHARI 1377 & MUSLIM 1352

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ  
وَعَذَابِ النَّارِ وَفِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ  
وَشَرِّ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada azab kubur, azab neraka, fitnah kehidupan dan kematian, serta kejahatan Dajjal.

*Amalkan doa ini setiap kali solat, terutama sebelum salam, agar kita sentiasa dalam perlindungan Allah.*

# DOA

## Berlindung dari Kejahatan

HADITH: MUSLIM 2709, ABU DAWUD 3899,  
AT TIRMIZI 3604, AN NASAI' 10421, IBNU  
MAJAH 3518 DAN AHMAD 7898

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna, dari kejahatan ciptaanNya

*Dibaca 3x waktu petang (selepas Asar atau sebelum Maghrib) untuk perlindungan daripada gangguan makhluk, termasuk jin, syaitan, dan binatang berbisa terutama ketika sampai di suatu tempat baru, seperti hotel, hutan, atau tempat asing.*

# DOA

## Elak Sopak, Gila, Kusta, dan Penyakit Kronik

HADITH: ABU DAUD 1554 & AN-NASA'I 5493

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ  
وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan penyakit-penyakit buruk yang lain.

*Bacalah doa untuk berlindung dari penyakit fisik, mental dan segala penyakit berbahaya.*

# DOA

## Memohon Dijauhkan dari Akhlak Buruk

HADITH: MUSLIM 771

اللَّهُمَّ اهْدِنِي لِأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ، لَا يَهْدِي  
لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ، وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا، لَا  
يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ

Ya Allah, berilah aku petunjuk kepada akhlak yang paling baik, kerana tiada yang dapat memberi petunjuk kepadanya selain Engkau. Dan jauhkanlah aku daripada akhlak yang buruk, kerana tiada yang dapat menjauhkannya selain Engkau

*Doa menjauhkan diri dari sifat mazmumah seperti sombong, dengki, dan hasad.*

# DOA

## Diselamatkan Dari Kemungkaran

HADITH: AL-TIRMIZI 3591

اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ  
وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ

Ya Allah, jauhkanlah aku dari akhlak yang buruk, perbuatan yang buruk, dan hawa nafsu yang buruk.

# DOA

## Mohon Cahaya Hidayah di Setiap Penjuru

HADITH: BUKHARI 6316 & MUSLIM 763

اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا، وَفِي لِسَانِي نُورًا، وَفِي  
سَمْعِي نُورًا، وَفِي بَصَرِي نُورًا، وَمِنْ فَوْقِي نُورًا،  
وَمِنْ تَحْتِي نُورًا، وَعَنْ يَمِينِي نُورًا، وَعَنْ شِمَالِي  
نُورًا، وَمِنْ أَمَامِي نُورًا، وَمِنْ خَلْفِي نُورًا، وَاجْعَلْ  
فِي نَفْسِي نُورًا، وَأَعْظِمْ لِي نُورًا

Wahai Allah, jadikanlah pada hatiku cahaya, dan pada lidahku cahaya, dan pada pendengaranku cahaya, dan pada penglihatanku cahaya, dan dari atasku cahaya, juga dari bawahku cahaya, dan di kananku cahaya, juga di kiriku cahaya, dan di hadapanku cahaya, juga dari belakangku cahaya, dan jadikan pada jiwaku cahaya dan agungkanlah cahaya untukku.

# DOA

## Kebaikan & Perlindungan Menyeluruh

HADITH: IBNU MAJAH 3846

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ، عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ، مَا  
عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ،  
عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ، مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ. اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ، وَأَعُوذُ بِكَ  
مِنْ شَرِّ مَا عَاذَ بِهِ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ  
الْجَنَّةَ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَعُوذُ بِكَ  
مِنَ النَّارِ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَسْأَلُكَ  
أَنْ تَجْعَلَ كُلَّ قَضَاءٍ قَضَيْتَهُ لِي خَيْرًا.

# DOA

## *Kebaikan & Perlindungan Menyeluruh*

HADITH: IBNU MAJAH 3846

Ya Allah, aku memohon kepadaMu segala kebaikan segera mahupun yang tertunda, yang aku ketahui atau yang tidak aku ketahui. Dan aku berlindung kepadaMu daripada segala keburukan segera mahupun yang tertunda, yang aku ketahui atau yang tidak aku ketahui. Wahai Allah, aku memohon kepadaMu kebaikan yang telah diminta oleh hamba dan nabiMu, dan aku berlindung kepadaMu daripada keburukan yang telah diminta oleh hamba dan nabi-Mu agar dijauhkannya. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu syurga, dan apa yang mendekatkan kepadanya melalui kata-kata atau perbuatan. Dan aku berlindung kepadaMu daripada neraka dan apa yang mendekatkan kepadanya melalui perkataan atau perbuatan. Dan aku memohon kepadaMu untuk menjadikan segala yang Engkau tentukan untuk aku baik-baik belaka.

# DOA

## Memohon Hidup Terbaik dan Nikmat Melihat Wajah Allah

HADITH: AN-NASA'I 1305 & AHMAD 10261

اللَّهُمَّ بَعْلَمِكَ الْغَيْبِ وَقُدْرَتِكَ عَلَى الْخَلْقِ أَحْيِنِي مَا  
عَلِمْتَ الْحَيَاةَ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّنِي إِذَا كَانَتْ الْوَفَاةُ  
خَيْرًا لِي، اللَّهُمَّ وَإِنِّي أَسْأَلُكَ خَشِيَّتَكَ فِي الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ، وَأَسْأَلُكَ كَلِمَةَ الْحَقِّ فِي الرِّضَا  
وَالْغَضَبِ، وَأَسْأَلُكَ الْقَصْدَ فِي الْغِنَى وَالْفَقْرِ،  
وَأَسْأَلُكَ نَعِيمًا لَا يَنْفَدُ، وَأَسْأَلُكَ قُرَّةَ عَيْنٍ لَا تَنْقَطِعُ،  
وَأَسْأَلُكَ الرِّضَا بَعْدَ الْقَضَاءِ، وَأَسْأَلُكَ بَرْدَ الْعَيْشِ  
بَعْدَ الْمَوْتِ، وَأَسْأَلُكَ لَذَّةَ النَّظَرِ إِلَى وَجْهِكَ  
وَالشَّوْقَ إِلَى لِقَائِكَ فِي غَيْرِ ضَرَاءٍ مُضِرَّةٍ وَلَا فِتْنَةٍ  
مُضِلَّةٍ، اللَّهُمَّ زِينًا بِزِينَةِ الْإِيمَانِ، وَاجْعَلْنَا هُدَاةً  
مُهْتَدِينَ

# DOA

## *Memohon Hidup Terbaik dan Nikmat Melihat Wajah Allah*

**HADITH: AN-NASA'I 1305 & AHMAD 10261**

Wahai Allah, dengan pengetahuanMu terhadap perkara ghaib, dan penguasaanMu ke atas makhluk, kurniakan aku kehidupan yang engkau tahu ia baik bagiku, dan matikanlah aku sekiranya kematian itu lebih baik buatku. Dan aku memohon kepadaMu (kurniakan kepadaku) ketakutan terhadapMu tatkala bersendirian atau disaksikan manusia, dan (tetap dalam) kebenaran tatkala suka atau marah, serta kesederhanaan tatkala miskin (memerlukan) atau kaya (tidak memerlukan). Dan aku memohon kepadaMu kenikmatan yang tidak terbatas (kenikmatan di akhirat) dan penyejuk mata yang tidak putus-putus. Dan aku memohon kepadaMu agar aku redha dengan ketentuanMu. Dan aku memohon kepadaMu penyelesaian hidup setelah mati, kenikmatan melihat wajahMu (kelak di akhirat), kecintaan untuk bertemu denganMu, tanpa ada keburukan yang memudaratkan, dan fitnah yang menyesatkan. Wahai Allah, perhiasi diri kami dengan perhiasan keimanan, dan jadikanlah kami orang-orang yang memberi petunjuk dan diberi petunjuk.

# DOA

## Memohon Keampunan & Keselamatan Dunia & Akhirat

HADITH: ABI DAWUD 5074, IBN MAJAH 3871, AHMAD 476

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي  
دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي  
وَأْمِنْ رُوعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْي وَمِنْ  
خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي،  
وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon padaMu keampunan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon padaMu ampunan dan keselamatan dalam agamaku, dunia, keluarga dan hartaku. Ya Allah, tutup auratku (aibku) dan tenteramkanlah hatiku. Ya Allah, jagalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atasku, serta aku memohon perlindungan dengan keagungan-Mu agar tidak disambar dari bawahku.

# DOA

## Memohon Petunjuk, Rahmat, dan Perlindungan

HADITH: AN-NASA'I 1304, AHMAD 17664, AT-TIRMIZI 3407

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الثَّبَاتَ فِي الْأَمْرِ، وَالْعَزِيمَةَ عَلَى  
الرُّشْدِ، وَأَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ  
مَغْفِرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ شُكْرَ نِعْمَتِكَ، وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ،  
وَأَسْأَلُكَ قَلْبًا سَلِيمًا، وَلِسَانًا صَادِقًا، وَأَسْأَلُكَ مِنْ  
خَيْرِ مَا تَعْلَمُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ،  
وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا تَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ

# DOA

## Memohon Petunjuk, Rahmat, dan Perlindungan

HADITH: AN-NASA'I 1304, AHMAD 17664, AT-TIRMIZI 3407

Wahai Allah, aku memohon kepadaMu keteguhan di atas perkara ini (kebenaran), dan kekuatan di atas petunjukMu. Dan aku memohon kepadaMu perkara yang membawa kepada rahmat dan pengampunan daripadaMu. Dan aku memohon kepadaMu kesyukuran atas nikmatMu serta ketelusan ibadatku kepadaMu. Aku memohon kepadaMu hati yang suci, lidah yang benar. Aku memohon kepadaMu kebaikan yang Engkau ketahui. Dan aku berlindung kepadaMu daripada keburukan yang Engkau ketahui. Aku memohon keampunan daripadaMu daripada segala dosa yang Engkau ketahui kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui segala apa yang tersembunyi.

***Doa ini untuk memohon kekuatan iman dan perlindungan daripada segala keburukan yang diketahui atau tidak.***

# DOA

## Memohon Pertolongan, Petunjuk, dan Hati yang Bersih

HADITH: AT-TIRMIZI 3551 & AHMAD 2516

اللَّهُمَّ أَعْنِي وَلَا تَعْنُ عَلَيَّ، وَأَنْصُرْنِي وَلَا تَنْصُرْ  
عَلَيَّ، وَأَمْكُرْ لِي وَلَا تَمْكُرْ عَلَيَّ، وَاهْدِنِي وَيَسِّرْ  
الْهُدَى لِي، وَأَنْصُرْنِي عَلَى مَنْ بَغَى عَلَيَّ. اللَّهُمَّ  
اجْعَلْنِي لَكَ شَكَارًا، لَكَ ذَكَارًا، لَكَ رَهَابًا، لَكَ مُطِيعًا،  
إِلَيْكَ مُخْبِتًا، إِلَيْكَ أَوَّاهًا مُنِيبًا. اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ تَوْبَتِي،  
وَاعْسِلْ حَوْبَتِي، وَأَجِبْ دَعْوَتِي، وَثَبِّتْ حُجَّتِي،  
وَاهْدِ قَلْبِي، وَسَدِّدْ لِسَانِي، وَأَسْلُلْ سَخِيمَةَ قَلْبِي.

# DOA

## Memohon Pertolongan, Petunjuk, dan Hati yang Bersih

**HADITH: AT-TIRMIZI 3551 & AHMAD 2516**

Ya Allah, bantulah aku dan jangan Engkau membantu (musuh) melawan aku. Tolonglah aku dan jangan Engkau menolong (musuh) melawan aku. Rencanakanlah kebaikan untukku dan jangan Engkau rencanakan (kejahatan) terhadapku. Berilah aku petunjuk dan permudahkanlah jalan hidayah untukku. Tolonglah aku menghadapi orang yang menzalimi aku. Ya Allah, jadikanlah aku hambaMu yang banyak bersyukur, banyak mengingatMu, banyak takut kepadaMu, banyak taat kepadaMu, banyak merendahkan diri kepadaMu, dan banyak kembali kepadaMu dengan penuh penyesalan.

Ya Allah, terimalah taubatku, bersihkanlah dosa-dosaku, kabulkanlah doaku, teguhkanlah hujahku, bimbinglah hatiku, luruskanlah lisanku, dan hilangkanlah kedengkian dalam hatiku.

# DOA

## Kelapangan Hati dan Jiwa

HADITH: AHMAD 3712

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ابْنُ عَبْدِكَ ابْنُ أُمَّتِكَ نَاصِيَّتِي  
بِيَدِكَ، مَاضٍ فِيَّ حُكْمُكَ، عَدْلٌ فِيَّ قَضَاؤُكَ  
أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ أَوْ  
أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ، أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ  
اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ  
الْقُرْآنَ رَيْعَ قَلْبِي، وَنورَ صَدْرِي وَجَلَاءَ  
حُزْنِي وَذَهَابَ هَمِّي

# DOA

## *Kelapangan Hati dan Jiwa*

HADITH: AHMAD 3712

Ya Allah! Sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak dari hamba lelakiMu (ayahku) dan anak dari hamba perempuanMu (ibuku) (aku keturunan hamba-hamba).

Ubun-ubunku di tanganMu, keputusanMu telah terlaksana padaku, QadhaMu adil bagiku.

Aku mohon kepadaMu dengan setiap nama (baik) yang telah Engkau berikan untuk diriMu, yang Engkau turunkan dalam kitabMu, yang Engkau ajarkan kepada seseorang dari mahlukMu atau yang Engkau simpan sendiri dalam ilmu ghaibMu

Aku memohon agar Engkau jadikan Al Quran sebagai penyejuk hatiku, cahaya di dadaku, penghilang kesedihanku dan penghapus kesusahanku.

# DOA

## Mengelak Maksiat

HADITH: AT-TIRMIZI 3502

اللَّهُمَّ اقْسِمْ لَنَا مِنْ خَشْيِكَ مَا يَحُولُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ  
مَعَاصِيكَ وَمِنْ طَاعَتِكَ مَا تُبَلِّغُنَا بِهِ جَنَّاتِكَ وَمِنْ  
الْيَقِينِ مَا تُهَوِّنُ بِهِ عَلَيْنَا مُصِيبَاتِ الدُّنْيَا وَمَتِّعْنَا  
بِأَسْمَاعِنَا وَأَبْصَارِنَا وَقُوتِنَا مَا أَحْيَيْتَنَا وَاجْعَلْهُ  
الْوَارِثَ مِنَّا وَاجْعَلْ ثَأْرَنَا عَلَى مَنْ ظَلَمَنَا وَانصُرْنَا  
عَلَى مَنْ عَادَانَا وَلَا تَجْعَلْ مُصِيبَتَنَا فِي دِينِنَا وَلَا  
تَجْعَلْ الدُّنْيَا أَكْبَرَ هَمِّنَا وَلَا مَبْلَغَ عِلْمِنَا وَلَا تُسَلِّطْ  
عَلَيْنَا مَنْ لَا يَرْحَمُنَا

# DOA

## *Mengelak Maksiat*

HADITH: AT-TIRMIZI 3502

Ya Allah, kurniakanlah kepada kami rasa takut kepadaMu yang menjadi penghalang antara kami dan maksiat kepadaMu. Kurniakanlah kepada kami ketaatan kepadaMu yang akan membawa kami ke syurgaMu. Kurniakanlah kepada kami keyakinan yang menjadikan ringan segala musibah dunia. Berilah kenikmatan kepada kami dengan pendengaran, penglihatan, dan kekuatan kami selama kami hidup, dan jadikanlah ia sebagai warisan bagi kami (kekal hingga akhir hayat). Jadikanlah balasan kami terhadap orang yang menzalimi kami, dan berilah kemenangan kepada kami atas orang yang memusuhi kami. Janganlah Engkau jadikan musibah kami dalam agama kami. Janganlah Engkau jadikan dunia sebagai tujuan terbesar kami dan batasan ilmu kami. Janganlah Engkau berikan kekuasaan atas kami kepada orang yang tidak mengasihi kami.



HIMPUNAN  
**DOA**  
SENDIRI

# DOA

## *Pengakhiran yang Baik*

- Kurniakanlah aku pengakhiran yang baik (husnul khotimah).
- Rezekikan aku meninggal dunia di Madinah dan dengan kalimat syahadah dipenghujung hayatku.
- Matikanlah aku dalam keadaan beribadah kepadaMu dan bangkitkan aku dalam keadaan yang sama.

# DOA

## *Alam Kubur & Barzakh*

- Luaskan dan terangilah kuburku dengan cahaya rahmatMu.
- Catatkanlah amalku di tempat tertinggi di 'Illiyin.
- Permudahkanlah aku menjawab soalan soalan malaikat di alam kubur.
- Jadikanlah kuburku sebagai taman syurga, bukan lubang neraka.
- Kurniakanlah aku ketenangan di alam Barzakh sehingga aku bertemu denganMu.
- Anugerahkanlah aku nikmat terbesar melihat wajahMu di syurga.

# DOA

## *Doa Hari Kiamat*

- Berikanlah aku kitab amalku di tangan kanan.
- Beratkanlah timbangan amal kebbaikanku.
- Permudahkanlah aku melintasi Sirat sepantas kilat tanpa halangan.
- Lindungilah aku daripada kehilangan pahala akibat menzalimi orang lain.
- Kurniakanlah aku peluang minum dari telaga Al-Kauthar bersama Rasulullah s.a.w.

# DOA

## *Pengampunan dan Kesucian Hati*

- Ampunilah dosa-dosaku yang aku ingat atau tidak ingat, yang terang mahupun tersembunyi.
- Sucikanlah hatiku daripada hasad, takbur, riak, ujub, dan penyakit hati lainnya.
- Berikanlah aku hati yang bersih sejantera ( Qalbun Salim) dan ikhlas dalam beribadah kepadaMu.
- Jadikanlah aku seorang yang pemaaf dan berilah aku kekuatan memaafkan orang lain.
- Tutupilah aib-aibku di dunia dan di akhirat.

# DOA

## *Kebaikan Akhlak & Peribadi*

- Kurniakanlah aku tutur kata yang baik dan pelihara lisanku daripada dusta, mengumpat, dan menyakiti orang lain.
- Berikanlah aku kesabaran yang indah dalam setiap ujian hidup.
- Jadikanlah aku seorang yang berani, adil, dan tegas dalam keputusan.
- Peliharalah aku agar tetap berpakaian sopan dan menjaga pandangan di hadapan bukan mahram.
- Jadikanlah aku contoh akhlak yang baik kepada keluargaku dan masyarakat.

# DOA

## *Keluarga*

- Rahmatilah ibu bapaku, ampunkan dosa mereka, dan jadikan aku sebagai 'saham akhirat' mereka.
- Satukanlah hati adik-beradikku dalam kasih sayang dan jauhkan kami daripada bermusuhan.
- Peliharalah keluargaku daripada kejahatan dan musibah.
- Satukanlah kami semua di Syurga Firdaus bersama-sama.
- Jadikan kami 'ahli Al Quran (orang yang belajar, mengajar, mengamalkan dan menyebarkan).

# DOA

## *Rezeki*

- Kurniakanlah aku rezeki yang luas, halal dan diberkati.
- Berikanlah aku kecukupan dalam setiap keperluanku dan jauhkan aku daripada bergantung kepada selainMu
- Jadikanlah rezeki yang aku perolehi sebagai jalan menuju syurga dan alat menyebarkan kebaikan.
- Rezekikan kami menguasai Bahasa Arab supaya mudah kami memahami Al Quran untuk mengamalkannya.

# DOA

## Perlindungan & Kesejahteraan Ummah

- Selamatkanlah saudara seagama kami di medan perang dan yang dizalimi serta ditindas di mana-mana pelusuk dunia.
- Hancurkanlah para penzalim (Firaun moden) dan tegakkan keadilan di muka bumi.

# DOA

## *Memohon Menjadi Tetamu Allah*

- Jemputlah aku berulang kali menjadi tetamuMu ( Duyuf Ar Rahman -Umrah yang makbul & Haji yang mabrur)
- Mudahkan perjalananku ke Tanah Suci untuk beribadah hanya keranaMu.
- Berilah peluang, jangan biarkan aku mati sebelum Engkau izinkan aku sujud (lagi) di hadapan KaabahMu.

# DOA

## Memohon Jadi Golongan Yang Dicintai Allah

- Al-Mukhlisun – Orang Ikhlas
- Al-Muttaqun – Orang Bertakwa
- At-Tawwabun – Orang Bertaubat
- Al-Khashi'un – Orang yang Khusyuk
- Al-Muhsinun – Orang Berbuat Kebaikan
- As-Sabirun – Orang Bersabar
- Al-Mutawakkilun – Orang Bertawakal
- Al-Qanitun – Orang yang Taat
- As-Sadiqun – Orang Jujur & Amanah
- Al-Abrar (الأبرار) – Orang Banyak Berbuat Kebajikan (Orang Soleh)
- 'Ibadur-Rahman (عباد الرحمن)
- – Hamba-hamba Allah yang Maha Pemurah
- Al-Muqsitun – Orang yang Adil
- Al-Kazimun – Orang yang Menahan Marah
- Al-Muqantirin – Orang Kaya & Banyak Bersedekah dan Menginfak Harta ke jalan Allah
- Al-Mutathahirun – Orang yang Suci
- Al-'Abidun – Orang yang Rajin Ibadah

# DOA

## Selawat Ibrahimiyah

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Ya Allah, limpahkanlah selawat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas keluarga junjungan kami Nabi Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan selawat ke atas junjungan kami Nabi Ibrahim dan ke atas keluarga junjungan kami Nabi Ibrahim.

Dan berkatilah junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas keluarga junjungan kami Nabi Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberkati junjungan kami Nabi Ibrahim dan ke atas keluarga junjungan kami Nabi Ibrahim dalam kalangan seluruh alam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.

# DOA PENUTUP

SURAH AS-SAFFAT 37:180-182

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ،  
وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Akuilah kesucian Tuhanmu, - Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan, - dari apa yang mereka katakan!

Dan (ucaplah) salam sejahtera kepada sekalian Rasul.

Serta (ingatlah bahawa) segala puji hanya bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.